



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
Y A Y A S A N  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	22/01/2018

## Buktikan dakwaan bekas PM salah

BH - 22/1/2018 B. 8  
**Jitra:** Graduan tempatan perlu menjadikan penghinaan Tun Dr Mahathir Mohamad kepada mereka sebagai cabaran, sekali gus membuktikan kritikan pemimpin pembangkang terbabit salah.

Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Seri Johari Baharum, berkata graduan yang bijak adalah mereka yang mampu mencipta kerjaya sendiri, biarpun hanya menjual nasi lemak atau menjadi pemandu Uber.

### Kritikan tak relevan

Beliau yang juga Ahli Parlimen Kubang Pasu, menyifatkan kritikan Pengerusi Parti Pri-bumi Bersatu Malaysia (PPBM) itu sangat tidak relevan kerana memperlekehkan kerja sampingan yang dilakukan golongan muda.

"Tak perlulah hina mereka, ada yang melihat graduan ini hanya menjual burger jalanan pada waktu malam, namun waktu siang mereka mungkin melakukan kerja lain untuk menambah pendapatan mereka.

"Graduan yang bekerja sendiri ini lebih baik daripada yang makan gaji, jika menjual nasi lemak sekalipun saya rasa pendapatan mereka lebih tinggi daripada mereka yang makan gaji," katanya pada majlis meraikan 56 pelajar dari Kubang Pasu yang akan melanjutkan pelajaran ke Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) di sini, semalam.